Keluaran Dalam Negeri Kasar

Pertumbuhan KDNK lebih tinggi sebanyak 4.2% pada S1 2024

Keluaran dalam negeri kasar,
Perubahan tahunan, %



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Pada asas suku tahunan terlaras secara bermusim, ekonomi meningkat sebanyak 1.4%

Keluaran dalam negeri kasar,
Perubahan tahunan, % (terlaras secara bermusim)



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Apakah faktor-faktor yang menyokong pertumbuhan pada S1 2024?

- Perbelanjaan isi rumah yang lebih tinggi disokong oleh keadaan pasaran pekerja yang positif dan dasar Kerajaan yang lebih kukuh
- Eksport barangan yang kembali pulih dan ketibaan pelancong yang lebih tinggi
- Aktiviti pelaburan yang lebih giat

Apakah faktor-faktor yang mempengaruhi pertumbuhan pada S1 2024?

- Pengeluaran pertanian yang lebih rendah berikutan keadaan cuaca panas

Prestasi Ekonomi Malaysia

Perbelanjaan sektor swasta lebih kukuh berikutan eksport bersih yang bertambah baik

Perubahan tahunan, %

Penggunaan Swasta

4.7%
(S4 2023: 4.2%)

Penggunaan swasta yang lebih tinggi disokong oleh perbelanjaan barangan keperluan dan barangan budi bicara

Pelaburan Swasta

9.2%
(S4 2023: 4%)

Pelaburan struktur yang lebih kukuh dan perbelanjaan jentera & kelengkapan yang berterusan

Penggunaan Awam

7.3%
(S4 2023: 5.8%)

Perbelanjaan bekalan & perkhidmatan yang lebih tinggi oleh Kerajaan

Pelaburan Awam

11.5%
(S4 2023: 11.3%)

Perbelanjaan aset tetap oleh Kerajaan dan syarikat awam yang terus berkembang

Eksport Bersih

-24.5%
(S4 2023: -52.9%)

Penguncupan lebih perlahan berikutan pemulihan eksport barangan dan perkhidmatan

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Pertumbuhan yang lebih tinggi dalam kebanyakan sektor

Perubahan tahunan, %

Perkhidmatan

4.7%
(S4 2023: 4.1%)

Aktiviti perdagangan runcit lebih tinggi dan sokongan berterusan daripada subsektor pengangkutan & penyimpanan

Perkilangan

1.9%
(S4 2023: -0.3%)

Peningkatan semula sektor E&E dan kelompok berkaitan sumber serta aktiviti perkilangan berkaitan pembinaan yang lebih kukuh

Pertanian

1.6%
(S4 2023: 1.9%)

Pertumbuhan sederhana dalam pengeluaran tanaman getah dan makanan berikutan cuaca panas

Perlombongan

5.7%
(S4 2023: 3.5%)

Keluaran gas asli yang tinggi

Pembinaan

11.9%
(S4 2023: 3.6%)

Kemajuan projek kejuruteraan awam yang lebih cepat serta sokongan yang lebih kukuh daripada aktiviti pertukangan khas dan kediaman

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Keadaan Pasaran Pekerja

Pasaran pekerja kekal berdaya tahan

- Kadar pengangguran terus berada pada paras sebelum pandemik, iaitu 3.3%, pada suku pertama tahun 2024 (S4 2023: 3.3%).
- Guna tenaga meningkat kepada 16.4 juta orang pada suku pertama tahun 2024 (S4 2023: 16.35 juta orang) berikutan permintaan yang berterusan terhadap pekerja.
- Bekalan pekerja kekal menggalakkan apabila kadar penyertaan tenaga kerja meningkat lagi ke paras tertinggi yang pernah dicatatkan iaitu 70.2% pada suku pertama tahun 2024 (S4 2023: 70.1%).

Kadar pengangguran rendah

Kadar pengangguran, % daripada tenaga kerja



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Pertumbuhan yang berterusan bagi upah sektor swasta

Upah nominal dan benar sektor swasta,
Indeks, S4 2019=100



Upah nominal mengikut sektor,
Indeks, S4 2019=100



Nota: Upah sektor swasta merujuk kepada upah pekerja dalam sektor perkilangan dan perkhidmatan.
Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan anggaran Bank Negara Malaysia

Trend inflasi

Inflasi keseluruhan dan inflasi teras kekal sederhana pada suku pertama

- Inflasi keseluruhan meningkat sedikit kepada 1.7%, sebahagiannya mencerminkan tarif air yang lebih tinggi dan cukai perkhidmatan ke atas penggunaan elektrik yang lebih tinggi. Walau bagaimanapun, peningkatan ini sebahagiannya diimbangi oleh inflasi yang lebih rendah dalam item IHP lain, terutamanya makanan dan minuman.
- Inflasi teras menurun kepada 1.8% pada suku pertama.

Inflasi keseluruhan dan inflasi teras,
Perubahan tahunan, %



Item Indeks Harga Pengguna (IHP) Terpilih

Makanan dan minuman *(Wajaran: 29.8%)*	Elektrik *(Wajaran: 2.7%)*	Bekalan air *(Wajaran: 0.9%)*
▼1.9% S4 2023: 2.8%	▲ 0.7% S4 2023: 0%	▲ 20.8% S4 2023: 2.1%

Nota: Pengiraan inflasi teras tidak termasuk barangan yang harganya tidak menentu dan barangan yang harganya ditadbir daripada inflasi keseluruhan.
Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan anggaran Bank Negara Malaysia

Inflasi lebih meluas pada suku pertama

- Lebih banyak barangan mencatatkan kenaikan harga pada suku pertama, namun kekal selaras dengan norma yang dicatatkan sebelum ini.
- Hal ini sebahagiannya mencerminkan pelarasan harga oleh syarikat yang biasanya dilakukan pada awal tahun serta semasa musim perayaan.

Item IHP yang mencatatkan kenaikan harga bulanan,
Bahagian, %



44.2% pada S1 2024
(S4 2023: 36.3%; purata S1 2011–19: 52.2%)

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan anggaran Bank Negara Malaysia

Perkembangan Sektor Luaran

Pemulihan positif bagi eksport dan pertumbuhan import yang kukuh

Eksport kasar	**2.2%** S4 2023: -6.9%	Pemulihan permintaan luaran bagi eksport E&E dan bukan E&E serta harga komoditi yang meningkat
Import kasar	**13.1%** S4 2023: 1.3%	Import perantaraan yang lebih tinggi dan permintaan dalam negeri yang kukuh terhadap barangan modal dan barangan penggunaan

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Lebihan akaun semasa yang lebih tinggi serta aliran keluar dalam akaun kewangan

Akaun Semasa
RM16.2 bilion; 3.5% daripada KDNK
(S4 2023: RM0.9 bilion; 0.2%)

Faktor pendorong

- Defisit pendapatan primer yang lebih kecil disebabkan oleh pendapatan daripada pinjaman dan deposit di luar negeri yang lebih tinggi serta keuntungan terakru kepada pelabur asing di Malaysia yang lebih rendah.
- Tahap pendapatan sekunder yang berubah kepada lebihan.
- Lebihan barangan yang lebih tinggi apabila paras eksport mengatasi paras import.
- Defisit perkhidmatan yang lebih kecil menceminkan ketibaan pelancong yang lebih tinggi.

Akaun Kewangan
Aliran keluar bersih RM18.7 bilion
(S4 2023: Aliran keluar bersih RM20.1 bilion)

Faktor pendorong

- Aliran keluar bersih dalam pelaburan portfolio, didorong terutamanya oleh pelaburan pemastautin dalam ekuiti dan sekuriti hutang di luar negeri.
- Aliran keluar bersih dalam pelaburan langsung disebabkan oleh pelaburan langsung luar negeri (DIA) yang melebihi pelaburan langsung asing (FDI).

Yang mengimbangi

- Aliran masuk bersih dalam pelaburan lain yang disebabkan oleh bayaran balik pinjaman dan penyelesaian kredit perdagangan yang diterima oleh syarikat korporat pemastautin.

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

Hutang luar negeri meningkat sedikit

RM1.27 trilion atau 69% daripada KDNK
(S4 2023: RM1.24 trilion atau 68.2% daripada KDNK)

- Kesan penilaian kadar pertukaran berikutan kelemahan nilai ringgit.
- Pinjaman antara kumpulan dan kredit perdagangan oleh syarikat korporat yang lebih tinggi.

Hutang luar negeri kekal terurus
% daripada jumlah hutang luar negeri

Mata Wang	**Dalam denominasi ringgit: 32.3%** Tidak terjejas oleh turun naik kadar pertukaran ringgit **Dalam denominasi FCY: 67.7%** yang 63.8% daripadanya tertakluk pada keperluan kehematan dan pengawalseliaan BNM dan 17.5% merupakan pinjaman antara syarikat berkaitan
Tempoh Matang	**Jangka sederhana dan panjang: 58.2%** Risiko pelanjutan terhad

Kedudukan Pelaburan Antarabangsa Bersih	**RM157.0 bilion** (S4 2023: RM123.7 bilion)
Rizab Antarabangsa[1]	**USD112.8 bilion** (S4 2023: RM113.5 bilion)

- **5.4 bulan[2]** import barangan dan perkhidmatan
- **1.0 kali** hutang luar negeri jangka pendek

[1] Pada 30 April 2024.
[2] Paras ini mungkin berbeza daripada paras yang dinyatakan dalam siaran akhbar mengenai rizab antarabangsa yang dterbitkan pada 8 Mei 2024 kerana mencerminkan data terkini S1 2024 berhubung dengan import barangan dan perkhidmatan serta hutang luar negeri jangka pendek.

Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia, Jabatan Perangkaan Malaysia dan Bank Negara Malaysia